



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 4 RABU 24HB. JANUARI, 1973. 1392 رابو 20 ذوالحجه PERCHUMA

KERAJAAN TIDAK AKAN RAGU2 MENYINGKIRKAN ANASIR2 JAHAT

BERAKAS. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail menegaskan bahawa Negeri Brunei dan anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei tidak mempunyai tempat bagi mereka yang berpura-pura taat dan yang tidak dapat mencheborkan diri mereka pada memperjuangkan dan mempertahankan hak2 serta keselamatan raayat.

Dengan sebab itu-lah kerajaan Duli Yang Maha Mulia, tegas Yang Amat Mulia, tidak mempunyai sebarang keraguan atau "kelingahan" bagi menyingkirkan sebarang anasir yang chuba memecah-belahkan ketaatan raayat dan anggota2 AMDB kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bersabda demikian di-upachara perbarisan tamat latehan bagi 71 orang rekrut Askar Melayu Diraja di-Perkhemahan Berakas pada hari Sabtu lepas.

Yang Amat Mulia perchaya anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah terdiri daripada raayat yang berdisiplin dan mempunyai latehan2 penoh ketenteraan termasuk semangat dan amalan ketaatan kepada semua perengkat.

Yang Amat Mulia faham bahawa Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah merupakan satu badan raksaksa pertahanan yang chekap, gagah dan berani serta mempunyai kelengkapan2 yang chukop bagi mempertahankan bangsa dan negara.

Pemangku Menteri Besar itu perchaya seluroh raayat di-negeri ini tidak mempunyai sebarang kewahaman terhadap kegagahan dan ketabahan anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei dan keperwiraan mereka itu akan tetap di-kenang zaman.

Yang Amat Mulia bersabda bahawa Negeri Brunei akan mempunyai satu ranchangan kemajuan yang baru
(Lihat muka 8)



PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail ketika memereksa barisan yang terdiri dari rekrut2 yang baru sahaja tamat latehan di-upachara perbarisan tamat latehan yang telah di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada hari Sabtu lepas.

Pesakit2 di-beri pelajaran khas

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Jabatan Pelajaran dengan kerjasama Jabatan Perubatan telah melaksanakan satu ranchangan bagi mengadakan pelajaran khas untuk murid2 yang di-rawat dalam masa yang lama di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan.

Pada masa ini terdapat beberapa orang murid menjalani rawatan di-rumah sakit tersebut dan ada-lah perlu bagi mereka di-beri bimbingan supaya mereka tidak ketinggalan dalam mata2 pelajaran.

Menurut Pemangku Pengusaha Pelajaran Melayu, Awang Abdul Razak bin Mohamed, pehak berkuasa Rumah Sakit telah meminta sa-orang guru untuk mengajar murid2 yang di-rawat di-rumah sakit supaya hubungan pelajaran murid2 itu tidak akan terputus.

Awang Abdul Razak menerangkan, Jabatan Pelajaran telah mengatorkan sa-orang guru wanita, Dayang Hajjah Zainon binte Abdul Latif bagi memulakan perkhidmatannya awal bulan ini di-Rumah Sakit Besar.

Guru2 di-seru mengajar dengan jujur

GADONG. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri telah mengingatkan guru2 supaya mengajar penuntut2 mereka dengan jujur dan berkesan dan penuntut2 pula di-tekanan supaya mengambil perhatian berat atas ajaran2 guru.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah berkata demikian dalam cheramah-nya kepada penuntut2 Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah di-Gadong pada minggu lalu yang juga telah di-hadhiri oleh guru2 dan pesharah2 di-Maktab itu.

Yang Berhormat itu berkata, manusia di-didek dari satu keturunan kepada satu keturunan supaya mereka dapat mengenali hidup dan alam keliling dengan menggunakan asas2 ilmu pengetahuan yang sempurna.

Mereka hidup bukan saja dalam alam kebendaan tetapi juga mengandongi unsur2 rohani dan jasmani yang perchaya akan ajaran2 Tuhan yang tergolong kepada orang2 yang saleh.

Berchakap mengenai bahasa, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, mengesa penuntut2 di-negeri ini supaya mereka mempelajari bahasa2 lain yang boleh di-buat untuk penyelidikan yang boleh di-pakai ka-dalam bahasa Melayu agar bahasa Melayu terus hidup dan berkembang maju menurut peralehan zaman.

Dalam cheramah yang memakan masa hampir satu jam itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu juga telah menyentoh peranan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada hubungan-nya dengan penuntut2 dan orang ramai di-negeri ini.

(Lihat muka 8)



Pemain2 G.P.P.S. bergambar bersama2 dengan piala kemenangan mereka. Berdiri No. 2 dari kiri ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

G.P.P.S. munchol sa-bagai johan

TUTONG. — Gerakan Pemuda Pemudi Sukarela Tutong telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan hoki enam sa-pasokan sa-telah mengalahkan Persatuan Melayu Keriam dengan satu gol kosong dalam perlawanan akhir yang di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada minggu lalu.

Perlawanan itu di-anjarkan oleh Persatuan Melayu Luagan Dudok bagi memperingati penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Sa-banyak 16 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia, sekolah2 dan jabatan2 di-Daerah Tutong mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar merasmikan perlawanan itu.

Yang Berhormat Awang Haji Hanifah bin Mohammad Said telah menyampaikan hadiah di-akhir perlawanan tersebut.

Sementara itu, Persatuan PERKA mengalahkan Ikatan Belia Berakas dengan 4 gol berbalas 1 dalam perlawanan bola sepak perengkat akhir yang di-adakan di-padang Jaya Setia, Berakas pada hari Sabtu lepas.

Perlawanan itu di-anjarkan oleh Angkatan Persatuan Pemuda Pemudi Perpindahan Kampong Ayer, Berakas sa-bagai projek tahunan-nya.

Sa-banyak 13 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengawas Persatuan2 Belia, Pengiran Tuah bin Pengiran Mohammad Daud.

Brunei akan sertai perlawanan bola sepak belia2 Asia

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Perlawanan bola sepak belia2 Asia kali ke-15 di-bawah umur 20 tahun akan di-adakan di-Iran dalam tahun ini.

Persatuan bola sepak Iran telah mengundang Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei untuk menyertai perlawanan itu.

Setia Usaha Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei, Yang Di-Mulikan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain menyatakan bahawa sa-pasokan pemain2 bola sepak yang akan mewakili negeri ini akan di-hantar bagi menyertai perlawanan itu.

Pehin Orang Kaya Udana Laila Awang Hussain menyeru kepada semua belia2 negeri ini, penuntut2 sekolah menengah dan maktab2 yang di-lahirkan

(Lihat Muka 3)

KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

SURAT KUASA PESAKA No. 58/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Azizah binte Bujang, d/a Awang Ahmad bin Yunus, Jabatan Pelajaran, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Md. Noor bin Nasir @ Kuchang bin Desi yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 30 haribulan Januari, 1973 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 61/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Mayang binte Hj. Duraman, Lot No. 4042, Kampong Pandan, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Sarbun bin Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 30 haribulan Januari, 1973 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pe-

ngusaha Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan Januari, 1973.

ADMINISTRATION SUIT No. 57 OF 1972.

Application to this Court having been made by Wong Mee Lin care of Mr. E.M. Reynold of Police HQ., Bandar Seri Begawan, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Wah Boon Tat late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 30th day of January, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 17th day of January, 1973.

ADMINISTRATION SUIT No. 59 OF 1972.

Application to this Court having been made by Chen Yin Kong of Lot No. 3716, Jalan Lubon Palam, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Voon Nyuk Lian late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that Applicant is lawful husband of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 30th day of January, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 17th day of January, 1973.

ADMINISTRATION SUIT No. 60 OF 1972.

Application to this Court having been made by Chee Teck Suan of Lot No. 1009, Jalan Kampong China, Kuala Belait and Chee Sung Kiaw of Lot No. 2169, Jalan Perakong, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Tan Si Kim late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicants are lawful son and daughter of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 30th day of January, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 17th day of January, 1973.

ADMINISTRATION SUIT No. 62 OF 1972.

Application to this Court having been made by Chung Ng Fah of G 17, 16B, Lorong 5, Seria in the State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Chung Lee Chian late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that Applicant is lawful father of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 30th day of January, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 17th day of January, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Kepentingan Ugama harus kita beri keutamaan

DALAM salah satu do'a Nabi Mohammad s.a.w., Baginda telah bermohon kepada Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud seperti berikut:

"Wahai Tuhan ku, perbaiki-lah bagi ku ugama ku yang mana ia-nya menjadi pelindung urusan ku. Dan perbaiki-lah bagi ku dunia ku yang di-dalam-nya ada penghidupan ku. Dan perbaiki-lah bagi ku akhirat ku yang kapada-nya tempat kembali ku. Dan jadikan-lah hidup itu sa-bagai tambahan bagi ku dalam tiap2 kebaikan. Dan jadikan-lah mati itu sa-bagai kelepaan bagi ku dari tiap2 kejahatan".



KHUTBAH JUMA'AT

Ugama ada-lah satu alat bagi pelindung dan panduan segala urusan

Dalam do'a tersebut ada tiga perkara yang di-pohonkan Nabi minta di-perbaiki kapada Allah Subhanahu-Wataala ia-itu Ugama dunia dan akhirat. Perbaiki dalam perkara ugama, menghendaki kita kembali menjalankan ugama mengikut perintah Allah dan mengikuti contoh yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Perintah Allah dan Rasul-Nya mesti-lah kita utamakan lebih dari segala perintah, dan larangan kedua-nya mesti kita jauhi lebih dari segala larangan dunia.

Harta benda, tenaga dan fikiran bahkan jiwa sekali pun kalau di-perlukan untuk kepentingan ugama Allah dan untuk jihad di-jalan Allah hendak-lah kita berikan, bahkan kepentingan ugama itu harus kita utamakan lebih dari segala kepentingan.

Bagitu-lah Nabi Mohammad s.a.w. yang di-ikuti oleh sahabat2 Baginda dalam memperbaiki perkara ugama ia-itu ugama Allah di-taroh di-hadapan sekali, tidak di-lepaskan dan di-lupakan walau di-mana mereka berada. Kerana mereka berkeyakinan bahawa ugama itu-lah satu2-nya alat yang dapat di-jadikan pelindung dan panduan dalam segala urusan kapada kita. Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman yang bermaksud:

"Barang siapa yang berpegang tegoh dengan ugama Allah, maka sesungguh-nya ia telah di-pimpin kapada jalan yang lurus".

Oleh yang demikian hendaklah tuan2 senantiasa berpegang tegoh dengan ajaran2 ugama dalam segala urusan, baik urusan persendirian, urusan pentadbiran, urusan perniagaan, urusan perusahaan, urusan ibadat dan sa-bagai-nya. Sebab semua-nya itu berarti juga memperbaiki ugama kerana ugama menghendaki segala urusan itu di-jalankan menurut dasar2 ugama.

Sambutan Hari Raya Haji di-Daerah Temburong

PEKAN BANGAR. — Pegawai Daerah Temburong, Awg. Sidek bin Yahya telah merasmikan sambutan hari raya haji di-Dewan Pekan Bangar pada malam Jumaat lalu.

Sambutan hari raya haji itu di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Temburong.

Sa-belum merasmikan sambutan tersebut, Awang Sidek telah memberikan ucapan yang antara lain mengharapkan supaya sambutan yang baik ini akan di-usahakan lagi terus menerus.

Beliau juga menyeru penduduk2 di-daerah itu yang berkemampuan akan berusaha dalam lapangan pertanian, memanang kapada tanah yang di-dapati di-daerah itu.

Kapada beliau2, Awg. Sidek menyeru mereka supaya jangan terlalu memilih pekerjaan.

Mengenai dengan pengangkutan darat di-daerah itu, beliau menyeru kapada pengangkutan awam di-daerah itu supaya akan mengadakan sistem perjalanan yang teratur yang akan memberikan kemudahan kapada penduduk2 di-daerah itu.

Di-antara acara yang di-persembahkan dalam sambutan itu ia-lah nashid, bacaan kitab suci Al-Koran, dan pertandingan takbir yang dimenangi oleh Pasokan Bokok/Belais.

Hadiah2 kapada pemenang dalam pertandingan takbir telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong.



Pendaftaran nama

(Dari Muka 2)

sa-sudah 1hb. Januari, 1953 supaya tampil ka-hadapan untuk mendaftarkan nama mereka bagi menyertai perlawanan itu.

Pemain2 di-Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong hendak-lah mendaftarkan nama2 mereka mulai 22hb. Januari ini sa-hingga 8hb. Februari pada tiap2 hari Isnin dan Khamis jam 4.15 petang di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan.

Mereka boleh-lah mendaftar kapada Awang Abdul Wahab bin Mohamed Said, Awang Mohamed bin Ismail, Awang Abdul Rahman bin Sanif atau Awang Stephen Hendrick.

Pemain2 di-Daerah Belait hendak-lah mendaftarkan nama2 mereka mulai 22hb. Januari sa-hingga 8hb. Februari pada tiap2 hari Isnin dan Khamis jam 4.15 petang di-Padang KBRC, Kuala Belait kapada Awang Suhaili bin Lani.

DALAM temasha malam penutup yang telah di-adakan dalam bulan Disember yang lalu, S.M. Labu Estate telah berjaya mengutip wang sa-jumlah hampir \$100.00.

Che'gu Ibrahim bin Abdullah menyatakan bahawa wang tersebut akan di-dermakan untuk tabung Pembinaan Stadium.

Gambar atas kelihatan sa-orang ibu, Dayang Bungsu sedang menghuburkan derma di-temasha itu. —Gambar kiriman Guru Besar S.M. Labu Estate.

Laporan belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 18 buah Persatuan2 Belia dan Kebajikan sa-takat ini telah menghantar laporan mereka untuk di-terbitkan dalam Majalah Belia bilangan 5 tahun 1972.

Sa-orang juruchakap Pejabat Kebajikan meminta kapada semua Setiausaha Agong Persatuan2 Belia dan Kebajikan di-negeri ini yang belum lagi menghantar laporan itu supaya mengiriman dengan segera dan hendak-lah sampai di-Pejabat Kebajikan tidak lewat dari 31hb. Januari ini.

Semua laporan2 itu hendak-lah bersangkut paut dengan kegiatan2 Persatuan Belia dan Kebajikan sapang tahun 1972.

Gambar Yang Di-Pertua atau Setiausaha Agong dan lain2 gambar yang menunjukan kegiatan2 Persatuan mereka hendak-lah juga di-sertakan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24hb. Januari, 1973 hingga ka-hari Selasa 30hb. Januari, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
24hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
25hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20 6-35
26hb. Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21 6-36
27hb. Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21 6-36
28hb. Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21 6-36
29hb. Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21 6-36
30hb. Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21 6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



A black and white photograph of a group of people in a small boat on a body of water. The boat is crowded with about ten people, mostly wearing light-colored clothing. The water is choppy, and the background shows a shoreline with trees and a small structure.

A black and white photograph of a young boy, likely a child, wearing a striped hat and a light-colored shirt. He is smiling and holding a fishing rod, suggesting he is fishing. The background is blurred, showing what appears to be a body of water and some structures, possibly a boat or a dock. The image has a vintage, slightly grainy quality.

A black and white photograph of a small boat named 'BRUNEI YAMBUKONG' on a river. A man is standing on the boat, and the boat is partially covered with a tarp. The boat is on a rocky riverbed.

A black and white photograph showing a line of small, narrow boats (likely sampans or sampans) pulled up to a riverbank. Several people are visible in the boats, some wearing hats. The background shows a river and a distant shoreline with buildings.

Moto2 tambang menunggu penumpang2-nya di-pangkalan penumpang di-Sungai Kianggeh.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PENOLONG PEMEREKSA BUROH

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Penolong Pemereksa Buroh, di-Jabatan Buroh, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah sebaik2nya berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan mesti-lah sama ada:-

(a) mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Ingeris, atau pun telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding; atau

(b) mempunyai Sijil Rendah Pelajaran dengan mendapat kelulusan dalam mata-pelajaran bahasa Ingeris atau pun telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding dan telah menamatkan sama ada:-

- i) Empat tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division IV dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
- ii) Enam tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam Division V dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau
- iii) Sembilan tahun perkhidmatan dalam sesuatu jabatan perusahaan yang berkaitan dengan perhubungan industri atau pengurusan personnel.

Semua chalun2 hendak-lah fasah dalam bahasa Melayu dan, jika bahasa China, boleh bertutor sekurang2nya dua logat bahasa China.

Tugas2:

Memeriksa tempat2 pekerjaan, menguatkuasakan undang2 mengenai keselamatan pekerja, perhubungan2 industri, pendaftaran kesatuan2 sekerja dan

lain2 perkara yang menjadi tanggung-jawab Jabatan Buroh; menerima aduan2 dan menjalankan penyiasatan, menyiasat dan, jika perlu, menda'awa kesalahan2; menyelenggara pejabat pertukaran buroh dan perkhidmatan menyediakan pekerja2; menda-maikan pertikaian2 perusahaan; mengumpul statistik pekerjaan, gaji pendapatan dan masa kerja; dan pada keseluruhannya melaksanakan tugas2 executive dalam semua bahagian Jabatan Buroh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantung ka-

pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 yang baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

Sa-bagai Imam

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Imam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- a) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Batu Apoi, Temburong.
- b) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Selangan, Temburong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.
- d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 4 — \$280 x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhid-

mat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.

Sa-bagai Pembantu Teknik Rendah

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 16 hingga 21 tahun dan lulus sekurang2nya Tingkatan IV atau yang sebanding dengan-nya termasuk lulus dalam matapelajar-

Ketua Tukang

Masak

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Ketua Tukang Masak di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- i) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumur tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran;
- ii) Mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tukang2 masak, menjaga dan memereksa barang2 yang di-bekalkan dan menyediakan jadual2 makan-an serta makan minum.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300 x10-350.

Pemohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 yang baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

an2 Bahasa Ingeris, Ilmu Hisab dan Fiziks atau Sains 'Am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 — \$230x10-290x15-380.

Pemohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 1hb. Februari, 1973.

SI-SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 1/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Saimah bte. Latif, d/a Kampong Lugu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Latif bin Husin yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 2/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jambal bin Ahmad, d/a Kampong Pengkalau Mau, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahmad bin Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan per-

bicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 41/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Aminah bte. Kaling, d/a Kampong Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Taiawan bte. Taha yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 42/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Rafiah bte. Hj. Abd. Wahab, d/a Kg. Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Md. Yassin bin Ahmad dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 43/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jamudin bin Untong, d/a Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Untong bin Badar yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 44/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Zubidah bte. Idris, d/a Kampong Tanjong Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Idris bin Jalil @ Edris yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 45/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Ali Hassan bin Soud, d/a Kampong Lamunin, Tutong

kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Ismail bin Ali Hassan yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 46/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohd. Noor bin Karim, d/a Kampong Penapar, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Karim bin Bakar @ Tudoi yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 47/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang bin Okot, d/a Kampong Batang Mitus, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Akot bin O.K. Pemancha Bangis yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Tukang Chachar

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Chachar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:
(a) Pemohon2 mesti-lah ber-

Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB 4-5 — \$180x5-240/EB/245x5-260x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.

umur di-antara 20 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-nya Tingkatan I Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya.


(b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan2 yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai tukang chungkil boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3 EB 4 — \$200x5-240/EB/245x5-260.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 29hb. Januari, 1973.



PEMANGKU Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara sedang menyampaikan piala kepada rekrut yang terbaik B. 4646 Awang Zakaria bin Jaya.

Peranan AMDB dlm menjaga keamanan

(Dari muka 1)

sa-bagaimana yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

"Ke-arah ini-lah Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sedang menumpukan tenaga untuk menyusun langkah yang akan diambil demi untuk menjunjung titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan", tegas yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia menekankan bahawa keselamatan negara adalah penting sa-bagai satu syarat utama untuk membolehkan perkembangan2 ekonomi, perindustrian dan sosial itu di-laksanakan.

"Dalam konteks ini, anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei mempunyai peranan yang tertentu dan penting dalam menjaga keselamatan, ketenteraman serta pertahanan negara", tegas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia juga menyeru anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei supaya menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Kerajaan Baginda.

"Ta'at setia yang di-semahkan itu, sabda Yang Amat Mulia, ialah taat setia yang akan dapat di-chontohi bukan sahaja oleh rayat negeri ini bahkan juga oleh negara2 lain."

Di-upacara tersebut, Yang Amat Mulia juga telah menerima tabek dan memereksaan barisan kehormatan yang terdiri dari rekrut2 tersebut.

Di-akhir upacara itu Yang Amat Mulia telah menyampaikan hadiah2 kepada empat orang rekrut2 yang terbaik dan penembak terbaik semasa menjalani latihan.

Mereka ia-lah Awang Zakaria bin Jaya, Awang Idris bin Laki, Ak. Ali bin Pengiran Momin dan Awang bin Zainal.

Bangunan ibu sawat talipon siap tahun ini

TUTONG. — Kerja2 pembinaan bangunan ibu sawat talipon baru di-Pekan Tutong sedang berjalan seperti di-ran-changkan.

Sa-orang juruchapak bagi akitek2 Jabatan Kerja Raya yang mereka bentuk bangunan tersebut berkata, bahagian asas bangunan itu telah di-bina.

Kerja2 ka-atas bangunan yang menelan kira2 \$270,000.00 itu telah di-mulakan dalam bulan Oktober lepas dan di-jangka siap dalam pertengahan tahun ini.

Bangunan itu akan di-lengkapkan dengan sa-buah alat sawat talipon kecil yang telah pun tiba di-Brunei.

Kenyataan jualan lelong

DENGAN ini di-ma'alomkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Kemasharatan, Bandar Seri Begawan, Brunei pada 27hb. Januari, 1973 mulai jam 9.00 pagi.

Penulis2 di-seru bersama2 memikul tanggung-jawab untuk pembangunan negara

KUALA BELAIT. — Penulis2 tempatan telah di-gesa supaya bertanggung-jawab dalam peranan-nya membentuk masha-rakat menerusi renchna2 menurut keperibadian bangsa.

Seruan itu telah di-sabdakan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar dalam kata2 aluan majalah tahunan Sekolah Rendah dan Menengah Melayu Muhamad Alam, Seria tahun 1972.

Derma untuk tabong Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah \$2,542.30 telah di-terima oleh Setia Usaha Agong Tertinggi Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri untuk tabong pembinaan stadium dalam minggu ini.

Sa-banyak \$1,177.10 telah di-terima dari penuntut2 dan kakitangan Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkihah, Gadong. Wang tersebut telah di-serahkan oleh Pengetua maktab itu dalam majlis cheramah yang telah di-adakan pada hari Khamis lepas.

Persatuan Angkatan Kampong Burong Pingai Berakas, PERANGKAB telah menderma sa-banyak \$614.50 ia-itu hasil dari kutipan pertunjukkan pentas yang telah di-adakan baru2 ini.

Penyelia Pusat Belia, Pengiran Haji Mohammad telah menyampaikan derma sa-banyak \$600.70 ia-itu hasil dari kutipan dalam perlawanan ping pong di-antara pasukan Negeri Kedah dengan pasukan pilihan Kuala Belait/Bandar Seri Begawan, manakala Awang James Koh, pegawai perhubungan Sharikat Bintang dan Perchetakan menyampaikan derma sa-banyak \$150.00 ia-itu hasil kutipan dari perlawanan ping pong antara pasukan Nanyang Siang Pao dengan pasukan pilihan Bandar Seri Begawan yang di-kelolakan oleh sharikat itu.

Majalah Tahunan Sekolah itu di-terbitkan oleh guru2 dari Badan Bahasa dan Persuratan mengandungi 140 muka yang di-isikan dengan kegiatan2 penuntut di-sekolah itu sepanjang tahun 1972.

Yang Amat Mulia berharap Majalah itu akan terus memainkan peranan-nya untuk melihatkan penulis muda menghasilkan karya sajak dan cerpen yang bernilai sa-laras dengan keadaan Negeri Brunei sa-bagai sa-buah negara Islam yang bersultana, berperlembagaan, berbahasa Melayu dan berkebudayaan sendiri.

Pegawai Daerah itu menekankan bahawa pembangunan negara bukan saja tanggung-jawab pemimpin2nya bahkan juga harus di-pikul bersama oleh seluruh rayat dan penduduk negeri ini dalam mana penulis2 harus tampil kehadapan memainkan peranan-nya.

Beliau juga berharap penerbitan Majalah itu tidak akan tergelincir dari tujuan asalnya kerana beliau percaya mereka tidak akan tergamak menchabul saluran2 yang baik bagi melepaskan pemikiran yang kurang sehat.

Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Awang Haji Sabtu bin Mohamad dalam kata2 aluan-nya telah menegaskan bahawa kesedaran ibu bapa terhadap persekolahan anak2 kian memuncak dari sa-tahun ka-setahun.

Beliau berkata dalam tahun 1914 murid hanya berjumlah 1,764 orang dan angka itu telah naik dengan chepat-nya sa-lepas Perang Dunia Kedua dan sa-hingga tahun 1972 murid2 di-bangku sekolah sudah melebihi 40,000 orang.

Pengetua Sekolah itu, Che'gu Tuah bin Haji Hitam yang juga memberi kata2 aluan-nya dalam majalah itu telah menekankan betapa mustahak-nya kerjasama yang erat yang boleh melahirkan chita2 untuk kemajuan.



Gambar atas menunjukkan Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menerima cek bernilai \$1,000.00 dari Yang Di-Pertua Persatuan Peniaga2 Gula, Awang Ong Keh Beng pada minggu lalu. Sedang memerhati ia-lah Y.B. Pehin Dato Temenggong Awang Lim Ching Choo.

Majlis cheramah

(Dari muka 1)

Terdahulu sa-belum itu, Pengetua Maktab itu, Awang P.D. Parshad telah meng-ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat itu atas kesudian beliau hadir dan memberikan cheramah kepada penuntut2 di-maktab itu.

Selaku Setiausaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu juga telah menerima sa-keping cek bernilai \$1,177.10 hasil kutipan dari penuntut2 di-maktab itu untuk Tabong Pembinaan Stadium.

Cek tersebut telah di-sampaikan oleh Pengetua Maktab itu Awang P.D. Parshad di-akhir majlis cheramah itu.